

# 'Tuduhan PM pemimpin terkaya tak masuk akal'

**Kuala Lumpur:** Data perisytiharan harta Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang pernah diisytiharkannya pada 7 Mac 2019 kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disalahgunakan.

Setiausaha Politik Anwar, Datuk Ahmad Farhan Fauzi, berkata maklumat itu digunakan untuk menyebarkan tuduhan bahawa Anwar adalah 'pemimpin ke-17 terkaya di dunia' dengan gambaran seolah-olah hartanya diperoleh secara tidak sah.

Dalam kenyataan semalam, beliau berkata, perisytiharan harta itu adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan (PH) ketika itu untuk memastikan ketelusan dalam kalangan anggota Kabinet dan Ahli Parlimen.

"Perisytiharan ini tidak mendatangkan sebarang isu pada waktu itu kerana ia disertai dengan penjelasan terperinci mengenai bagaimana aset itu diperoleh. Sebahagian besar nilai asetnya adalah berdasarkan anggaran semasa hartanah miliknya.

"Aset-aset ini diperoleh secara sah dan boleh dibuktikan melalui dokumen jual beli dan rekod kewangan yang sah," katanya.

Ahmad Farhan berkata, perisytiharan harta sebanyak RM10.7 juta oleh Anwar ketika itu tidak menjadi isu kerana ramai anggota Kabinet dan Ahli Parlimen PH mempunyai nilai aset yang jauh lebih tinggi antaranya, Datuk Dr R Santhara Kumar (Segamat) sebanyak RM132.1 juta dan Datuk Ngeh Koo Ham (Beruas) sebanyak RM77.0 juta.

Tun Dr Mahathir Mohamad (Langkawi) sebanyak RM32.3 juta, Datuk Seri Mukhriz Mahathir

(Jerlun) RM25.1 juta; Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof (Alor Gajah) RM23.0 juta; Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad RM15.3 juta dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh) sebanyak RM14.3 juta.

"Secara logiknya, tuduhan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah pemimpin ke-17 terkaya di dunia adalah tidak masuk akal. Jika dibandingkan dengan pe-

mimpin lain di Malaysia sendiri, nilai aset Datuk Seri Anwar Ibrahim bukanlah antara yang tertinggi.

"Bagaimana mungkin beliau tergolong dalam senarai pemimpin terkaya dunia? Penyebaran tuduhan tidak berasas ini adalah contoh klasik fitnah yang boleh merosakkan kredibiliti individu tanpa bukti yang

sah. Dalam Islam, fitnah adalah dosa besar," katanya.

Ahmad Farhan berkata, tindakan menyebarkan maklumat tanpa menyiasat kebenarannya tidak hanya mencemarkan nama baik individu tetapi juga meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem politik dan institusi negara.

Beliau berkata, perbezaan pandangan dalam politik adalah perkara biasa, namun ia perlu dilaksanakan secara matang.

"Serangan peribadi, terutama dengan menyebarkan fitnah, adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak membawa sebarang manfaat kepada rakyat. Kritikan terhadap pemimpin adalah dibenarkan dalam sistem demokrasi, tetapi ia harus tertumpu kepada dasar-dasar yang diperkenalkan, bukannya menyerang peribadi atau menimbulkan tuduhan tidak berasas," katanya.

BERNAMA



Ahmad Farhan Fauzi